

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019

SOALAN

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membantu pekebun kecil lada di Sarawak yang telah lama terjejas akibat harga komoditi lada yang sangat rendah dan adakah Kementerian akan memperkenalkan jaringan sosial bagi membantu mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Industri Utama telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu para pekebun kecil yang terkesan oleh penurunan harga lada. Inisiatif tersebut antara lain adalah:

- a) Skim Tanaman Baharu Lada;
- b) Skim Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang; dan
- c) Skim Pembangunan Usahawan

Kerajaan komited membantu para pekebun kecil lada dengan menyalurkan peruntukan untuk pelbagai bantuan di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada 2019 yang melibatkan peruntukan berjumlah RM10 juta. Bagi pelaksanaan jaringan sosial pula, inisiatif tersebut dalam pertimbangan dan masih diperhalusi oleh Kementerian ini.

SOALAN NO : 6

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah melaksanakan beberapa strategi yang secara tidak langsung dapat membantu dalam pengawalan harga lada seperti berikut:

- (i) mempertingkat dan memperkasakan industri hiliran lada;
- (ii) memantapkan Program Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang;
- (iii) meningkatkan penggunaan lada dalam dan luar negara;
- (iv) mengeksport lada ke pasaran istimewa (*niche market*); dan
- (v) mempergiatkan program R&D Lada untuk mempelbagaikan produk di pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.